

Z-Driver Takaful

Enhanced Private Car Certificate

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Read this Product Disclosure Sheet before You decide to participate in the Motor Takaful. Be sure to also read the general terms and conditions.)

1. What is this product about?

The Motor Takaful provides cover against liabilities to other parties for injury or death, damage to other parties property, and accidental or fire damage to Your Car or theft of Your Car.

2. What are the applicable Shariah concepts?

- **Takaful:** is an arrangement based on mutual assistance under which takaful participants agree to contribute to a common fund providing for mutual financial benefits payable to the takaful participants or their beneficiaries on the occurrence of pre-agreed events.
- **Wakalah:** is an agency contract where the participant appoints the takaful operator to manage the takaful contributions with or without imposition of a fee. Under this takaful, **We** are appointed as the agent and in return, **We** will receive a Wakalah Fee for the services that **We** render in managing the General Risk Investment Account (GRIA).
- **Tabarru:** means donation for charitable purposes. Under this takaful, tabarru refers to the contribution from the participant to the GRIA to help other participants. Participants agree to relinquish all or a portion of their contribution to pay for the takaful benefits based on the pre-agreed events.
- **Hibah:** Under this takaful, Hibah refers to either:
 - If a surplus arising from GRIA is declared, 50% of the surplus will be shared with eligible participants based on the Hibah (gift) contract.
 - Upon cancellation of this takaful, contribution corresponding to unexpired period of takaful will be returned to participants.
- **Ju'alah:** refers to a contract where a party offers a specified reward to another party for achieving a determined result. Under this takaful, the participant allows **Us** to receive 50% of the distributable surplus arising from the GRIA.
- **Qard:** refers to an interest free loan by **Us** to GRIA if the GRIA is in deficit.

3. What are the covers / benefits provided?

- a. Third Party Bodily Injury and Death.
- b. Third Party Property Loss or Damage.
- c. Loss or Damage to Your Own Car due to accidental fire, theft or accident.

Optional benefits that You may wish to participate by making additional contribution:

- a. Passengers liability cover.
- b. Damage arising from flood and landslide.
- c. Damage arising from strike, riot and civil commotion.
- d. Cover for Windscreens, Windows and Sunroof – Enhanced.
- e. Cover for E-Hailing Private Car.
- f. Towing and Cleaning due to Water Damage (Non-Tariff).
- g. Key Replacement (Non-Tariff).
- h. Waiver of Betterment (Non-Tariff).

This list is non-exhaustive. Please refer to the Certificate contract for the full list of optional benefits under this Certificate.

The benefit(s) payable under this product is (are) protected by PIDM up to limits. For more information, please refer to PIDM's Takaful and Insurance Benefits Protection System brochure on Our website www.zurich.com.my or on PIDM's website www.pidm.gov.my.

Note:

- **It is an offence under the laws of the Republic of Singapore to enter the country without extending passenger liability cover to Your Motor Takaful.**
- **The duration cover is for one year. You need to renew the certificate annually.**

4. Where can I get the Appropriate Market Value for my Car?

ISM ABI Vehicle Valuation Database at www.mycarinfo.com.my.

5. What is agreed value?

Agreed Value is covering Your Car for a value that is agreed between Us and You. In the event of theft or total loss, We will pay accordingly as per the Car Sum Covered. (Subject to the terms and conditions.)

6. How much do I have to contribute?

The total contribution that you have to make may vary depending on the cubic capacity of the Car, Sum Covered, no claim discount (NCD) entitlement, the optional cover(s) and the underwriting requirements of the takaful company:

Example: Contribution calculation

Sum Covered: RM40,000.00

Cubic Capacity: 1495 cc

Basic contribution	:	RM	1,345.50
Voluntary Excess	:	RM	0.00
NCD entitlement 25%	:	RM	<u>336.37</u>
Net contribution	:	RM	1,009.13
Additional cover (W/screen RM500)	:	RM	<u>75.00</u>
Gross contribution	:	RM	1,084.13
Tax 8%	:	RM	86.73
Stamp Duty	:	RM	<u>10.00</u>
Total Contribution	:	RM	<u>1,180.86</u>

The estimated Total Contribution that You have to make is: **RM1,180.86**

7. What are the fees and charges that I have to make?

Types	Amount
Wakalah fees	(29.5% of the contribution) of which: <ul style="list-style-type: none"> • Commission - 10% of the gross contributions <i>Example: Gross Contribution: RM1,084.13 x 10% commission = RM108.42</i> • Management Expenses – 19.5% of the gross contributions <i>Example: Gross Contribution: RM1,084.13 x 19.5% management expenses = RM211.41</i>
Tax Provision	8% of the gross contributions made
Stamp Duty	RM10.00

8. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

- **Importance of Disclosure** – You must give all material facts such as previous accidents and modifications to the engine.
- **Importance of Receipt Keeping** – It is important that you receive a copy of receipt from us and please keep our receipt as proof of contribution made.
- **Consumer Takaful Contract** – Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, if You are applying for this Takaful wholly for purposes unrelated to Your trade, business or profession, You have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when You apply for this Takaful). You must answer the questions fully and accurately. Failure to take reasonable care in answering the questions may result in avoidance of Your contract of Takaful, refusal or reduction of Your claim(s), change of terms or termination of Your contract of Takaful. The above duty of disclosure shall continue until the time Your contract of Takaful is entered into, varied or renewed with Us. In addition to answering the questions in the Proposal Form (or when You apply for this Takaful), You are required to disclose any other matter that You know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied. You also have a duty to tell Us immediately if at any time after Your contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with Us any of the information given in the Proposal Form (or when You applied for this Takaful) is inaccurate or has changed.
- **Non-Consumer Takaful Contract** – Pursuant to Paragraph 4(1) of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, if You are applying for this Takaful for a purpose related to Your trade, business or profession, You have a duty to disclose any matter that You know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant, otherwise it may result in avoidance of Your contract of Takaful, refusal or reduction of Your claim(s), change of terms or termination of Your contract of Takaful. The above duty of disclosure shall continue until the time Your contract of Takaful is entered into, varied or renewed with Us. You also have a duty to tell us immediately if at any time after Your contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when You applied for this Takaful) is inaccurate or has changed.
- If You misrepresented any facts to Us before the certificate is entered into, examples of the actions that may be taken by Us against you include the following:
 - declare Your Certificate void from inception (which means treating it as invalid), and We may not return any contribution;
 - cancel this Certificate and return any contribution less our cancellation charge or recover any unpaid contribution;
 - remove one or more named drivers from Your Certificate and adjust Your contribution accordingly;
 - recover any shortfall in contribution;
 - not pay any claim that has been or will be made under the Certificate; or
 - be entitled to recover from You the total amount of any claim already paid under the Certificate or any claim We have to pay because of any relevant road traffic legislation, plus any recovery cost.
- You must ensure that Your Car is covered at the appropriate amount of the market value.
- The motor Certificate will pay the market value, or the sum covered at the time of the loss whichever is lower.

- The compulsory excess is the amount You have to bear if Your vehicle is driven by a person with “P” & “L” License and/or under 21 years of age: RM 400.00.
- **Cash Before Cover** – The contribution due must be paid and received by Zurich General Takaful Malaysia Berhad before cover commences. This takaful cover is automatically null and void if this condition is not complied with.
- **Cancellation** - We may give fourteen (14) days written notice of our intention to terminate this Certificate with a valid reason by registered letter to Your last known address, in which case a proportion of the contribution corresponding to the unexpired Period of Cover will be returned. Similarly, You may, at any time cancel this Certificate by providing Us fourteen (14) days written notice in which We will retain the customary pro-rate of contribution for the time the Certificate has been in force.
- **Claim Procedure** – You must give written notice to us within fourteen (14) days after the occurrence of the event.
- **Approved Repairer** – You must remove Your Car to Our Approved Repairer for repairs or windscreen repairs or replacement.
- **Territorial limit** – Malaysia, Singapore and Brunei.
- **Treatment of Small Amount** – Any amount below Ringgit Malaysia Ten (RM10) arises from contribution excess, cancellation, surplus distribution or claims that are to be made other than by way of electronic payment. The Small Amount shall be channelled to charity. However, if You decide otherwise, You are required to submit a formal request to Us. We may review the applicability of the above stated small amount and any change to the amount will be subjected to Our Shariah Committee approval.
- For other common terms and conditions, you may refer to www.zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions.

Note:

This list is non-exhaustive. Please refer to the Certificate contract for the terms and conditions under this Certificate.

9. What are the major exclusions under this Certificate?

This Certificate does not cover certain cases, such as:

- Your own death or bodily injury due to a motor accident;
- Your liability against claims from passengers in Your Car;
- Loss, damage or liability arising from an act of nature i.e flood, storm or landslide;
- Loss, damage or liability arising from illegal acts and under influence of drug or alcohol;
- Loss, damage arising out of Cheating or Criminal Breach of Trust.

Note:

This list is non-exhaustive. Please refer to the sample certificate contract for the full list of exclusions under this Certificate.

10. Can I cancel my Takaful Certificate?

You may cancel Your Motor Takaful Certificate by giving a written notice and must return the Original Certificate of Takaful (CT) or Statutory Declaration to the Takaful Operator if the CT is lost.

Upon Cancellation, You are entitled to a return of contribution based on the following:

- Pro-Rate basis if the Car Certificate has been continuously renewed with Us.
- Short Period basis if Your Car is newly covered with Us, for a period of less than 12 months.

There is no return of contribution:

- If minimum contribution is paid.
- If there is a claim made on the Certificate.

11. What do I need to do if there are changes to my contact details?

You can update Your contact details in the Zurich Customer Portal at myzurichlife.com.my or inform us of any changes in Your contact details to ensure that all correspondences reach You in a timely manner.

12. Where can I get further information?

Should You require additional information about the product, please contact us or our agents. You can contact us at:

Customer Care

Zurich General Takaful Malaysia Berhad
Level 23 A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur
Call Centre: 1-300-888-622 Tel: 603-2109 6000 E-mail: callcentre@zurich.com.my

13. Any other similar types of plan available?

Please refer to our website at www.zurich.com.my

IMPORTANT NOTE:
YOU MUST ENSURE THAT YOUR CAR IS COVERED AT THE APPROPRIATE AMOUNT AS IT WILL AFFECT THE AMOUNT YOU CAN CLAIM. IN THE EVENT OF AN ACCIDENT, YOU ARE ADVISED TO DEAL WITH OUR APPROVED REPAIRER. IF YOU HAVE A COMPREHENSIVE COVER AND YOU ARE NOT AT FAULT, YOU ARE ADVISED TO SUBMIT YOUR CLAIM TO US. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL CERTIFICATE AND DISCUSS WITH THE AGENT OR CONTACT US DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad is licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

All contribution and fees shown in this document may be subject to tax or other government levies.

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 01 March 2024 until next revision is issued.

Note: In the event of discrepancy, ambiguity and conflict in interpreting any term or condition, the English version shall prevail and supersede the Bahasa Malaysia version

Zurich General Takaful Malaysia Berhad
Registration No.201701045981 (1260157-U)
Level 23A, Mercu 3, No.3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622
www.zurich.com.my



Z-Driver Takaful

Penambahbaikan Sijil Kereta Persendirian

LEMBARAN PENERANGAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Penerangan Produk ini sebelum Anda memohon Takaful Motor. Pastikan juga Anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat.)

1. Apakah ciri produk ini?

Takaful Motor ini memberikan perlindungan Takaful terhadap liabiliti kepada kecederaan atau kematian, kerosakan harta pihak lain, dan kemalangan bukan disengajakan atau kerosakan akibat kebakaran terhadap Kereta Anda atau kecurian terhadap Kereta Anda.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

- **Takaful:** merupakan suatu persetujuan yang berdasarkan konsep saling membantu di mana para peserta takaful bersetuju untuk menyumbang ke dalam suatu dana. Dana ini akan memberi manfaat kewangan kepada para peserta takaful lain atau kepada waris mereka sekiranya berlaku peristiwa yang telah dipersetujui terlebih dahulu.
- **Wakalah:** merupakan kontrak di mana para peserta melantik pengendali takaful untuk menguruskan caruman takaful, sama ada secara sukarela atau dengan pembayaran upah. Dalam konteks takaful ini, para peserta melantik **Kami** sebagai pengendali takaful untuk menguruskan Akaun Pelaburan Risiko Am (selepas ini dirujuk sebagai GRIA) dan sebagai balasan, para peserta membenarkan **Kami** untuk menerima yuran wakalah bagi perkhidmatan yang diberikan.
- **Tabarru:** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Dalam konteks takaful ini, peserta menderma sebahagian caruman ke dalam GRIA untuk membantu peserta lain yang ditimpa musibah tertentu.
- **Hibah:** Di bawah konteks takaful, Hibah merujuk kepada:
 - Sekiranya terdapat pengisytiharan lebih daripada GRIA, 50% daripada lebih tersebut akan dikongsi dengan para peserta berdasarkan kontrak Hibah (hadiah).
 - Atas sebarang pembatalan Sijil, caruman bagi baki tempoh yang tidak diberi perlindungan akan dipulangkan kepada para peserta.
- **Ju'alah:** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran kepada pihak lain yang berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan dahulu. Dalam konteks takaful ini, para peserta membenarkan kami untuk menerima 50% lebih yang boleh diagihkan daripada GRIA sebagai insentif atas pencapaian dalam pengurusan GRIA yang menghasilkan lebih tersebut.
- **Qard:** merujuk kepada pinjaman tanpa faedah dari kami kepada GRIA sekiranya berlaku kekurangan aset dalam GRIA untuk memenuhi keperluan liabiliti GRIA, termasuk peruntukan rizab yang ditetapkan.

3. Apakah jenis perlindungan / manfaat yang diberikan?

- a. Kecederaan badan dan kematian pihak ketiga
- b. Kerugian atau kerosakan harta pihak ketiga
- c. Kerugian atau kerosakan terhadap Kereta Anda akibat kebakaran yang bukan disengajakan, kecurian atau kemalangan

Pilihan perlindungan tambahan yang boleh Anda sertai dengan membuat caruman tambahan:

- a. Perlindungan liabiliti penumpang
- b. Kerosakan akibat banjir dan tanah runtuh
- c. Kerosakan akibat mogok, rusuhan dan kekacauan awam
- d. Perlindungan untuk Cermin Depan/Belakang, Tingkap dan Bumbung Matahari – Peningkatan
- e. Perlindungan E-Hailing Kereta Sewa Persendirian
- f. Tunda dan Pembersihan Kerosakan Akibat Banjir (Bukan Tarif)
- g. Penggantian Kunci (Bukan Tarif)
- h. Pengecualian Penambahbaikan (Bukan Tarif)

Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Sijil kontrak untuk senarai penuh bagi manfaat pilihan yang terdapat di bawah Sijil ini.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk ini dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM yang boleh didapati di laman web Kami www.zurich.com.my atau di laman web PIDM www.pidm.gov.my.

Nota:

- Di bawah undang-undang Republik Singapura, adalah satu kesalahan jika memasuki negaranya tanpa perlindungan tambahan di dalam Takaful Motor bagi melindungi liabiliti penumpang kenderaan.
- Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan Takaful Anda secara tahunan.

4. Di mana Saya boleh mendapatkan Nilai Pasaran yang sesuai untuk Kereta Saya?

Pangkalan Data Penilaian Kenderaan ISM ABI di www.mycarinfo.com.my.

5. Apakah nilai yang dipersetujui (Agreed Value)?

Nilai yang dipersetujui adalah jumlah yang dilindungi ke atas Kereta Anda yang dipersetujui antara Kami dan Anda. Sekiranya berlaku kecurian atau kerosakan teruk yang tidak boleh diperbaiki, Kami akan membayar sewajarnya seperti Jumlah Amaun Dilindungi. (Tertakluk kepada terma dan syarat.)

6. Berapakah jumlah caruman yang perlu dibuat?

Jumlah premium yang Anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada keupayaan enjin Kereta, Amaun Dilindungi, diskaun tanpa tuntutan (NCD) dan keperluan pengunderaitan syarikat takaful:

Contoh: Pengiraan caruman

Jumlah Yang Dilindungi: RM40,000.00

Keupayaan Enjin: 1495 cc

Caruman asas	:	RM	1,345.50
Ekses sukarela	:	RM	0.00
Kelayakan NCD 25%	:	RM	<u>336.37</u>
Caruman bersih	:	RM	1,009.13
Perlindungan tambahan(Cermin RM500)	:	RM	<u>75.00</u>
Caruman kasar	:	RM	1,084.13
Cukai 8%	:	RM	86.73
Duti Setem	:	RM	<u>10.00</u>
Jumlah caruman	:	RM	<u>1,180.86</u>

Jumlah Jangkaan Keseluruhan Caruman yang Anda perlu dibuat: **RM1,180.86**

7. Apakah yuran dan caj yang perlu dibuat?

Jenis	Jumlah
Yuran Wakalah	(29.5% daripada jumlah Caruman) yang merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> • Komisen - 10% daripada caruman kasar <i>Contoh: Caruman Kasar: RM1,084.13 x 10% komisen = RM108.42</i> • Perbelanjaan Pengurusan – 19.5% daripada caruman kasar <i>Contoh: Caruman Kasar: RM1,084.13 x 19.5% perbelanjaan pengurusan = RM211.41</i>
Peruntukan Cukai	8% daripada caruman kasar
Duti Setem	RM10.00

8. Apakah terma dan syarat-syarat penting yang Saya harus ketahui?

- **Kepentingan pendedahan** – Anda mestilah menyatakan kesemua fakta penting seperti sejarah kemalangan dan pengubahsuaian enjin Kereta.
- **Kepentingan menyimpan resit** – Adalah penting untuk menerima sesalinan resit daripada Kami dan sila simpan resit ini sebagai bukti caruman telah dibuat.
- **Kontrak Takaful Pengguna** – Menurut Perenggan 5 dari Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika Anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful Anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful Anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah berterusan sehingga kontrak Takaful Anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini), Anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami (atau semasa permohonan Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- **Kontrak Takaful Komersial** – Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika Anda memohon Takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak Takaful, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful Anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah berterusan sehingga kontrak Takaful Anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami (atau semasa permohonan Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Sekiranya Anda salah memberi maklumat kepada Kami sebelum Sijil dimulakan, contoh tindakan yang mungkin diambil oleh Kami terhadap Anda termasuk perkara berikut:
 - mengisytiharkan Sijil Anda tidak sah dari permulaan (yang bermaksud menganggapnya sebagai tidak sah), dan Kami mungkin tidak akan mengembalikan sebarang caruman;
 - membatalkan Sijil ini dan mengembalikan apa-apa caruman dengan menolak caj pembatalan Kami atau mendapatkan semula sebarang caruman yang belum dibayar;
 - mengeluarkan satu atau lebih pemandu yang dinamakan dari sijil Anda dan melaraskan caruman Anda dengan sewajarnya;
 - mendapatkan semula sebarang kekurangan dalam caruman;
 - tidak membayar apa-apa tuntutan yang telah atau akan dibuat di bawah Sijil; atau
 - berhak untuk mendapatkan semula daripada Anda jumlah tuntutan yang telah dibayar di bawah Sijil atau apa-apa tuntutan yang perlu Kami bayar disebabkan mana-mana undang-undang lalu lintas jalan yang berkaitan, termasuk apa-apa kos pengembalian semula.
- Anda mesti memastikan bahawa Kereta Anda dilindungi pada jumlah yang mengikut Nilai Pasaran.

- Sijil Motor akan membayar mengikut Nilai Pasaran atau Amaun Dilindungi pada masa kerugian yang mana yang lebih rendah.
- Lebihan Wajib adalah jumlah yang Anda perlu tanggung jika Kereta Anda dipandu oleh orang yang tidak dinamakan atau mempunyai "P" & "L" Lesen atau di bawah umur 21 tahun: RM 400.00.
- **Tunai Sebelum Perlindungan** – Bayaran caruman mesti dibayar dan diterima oleh Kami sebelum perlindungan bermula. Perlindungan takaful ini akan terbatal dan tidak sah secara automatik jika syarat ini tidak dipatuhi.
- **Pembatalan** – Kami boleh memberikan notis bertulis empat belas (14) hari tentang hasrat Kami untuk menamatkan Sijil ini melalui surat berdaftar ke alamat terakhir Anda yang diketahui, Pada masa yang sama, Anda boleh, pada bila-bila masa membatalkan Sijil ini dengan memberikan notis bertulis empat belas (14) hari.
- **Prosedur Tuntutan** – Anda perlu memberikan notis bertulis kepada Kami dalam masa empat belas (14) hari selepas berlaku Kejadian.
- **Bengkel Yang Dibenarkan** – Anda mesti menghantar Kereta Anda ke Bengkel Pembaikan Kami untuk dibaiki, atau untuk membaiki cermin depan atau menggantikannya.
- **Had Wilayah** – Malaysia, Singapura dan Brunei.
- **Pengurusan Jumlah Kecil** – Jumlah Kecil bermaksud sebarang jumlah kurang daripada Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) yang timbul dari lebihan caruman, pembatalan, perkongsian lebihan atau tuntutan yang akan dibuat selain melalui pembayaran elektronik. Jumlah Kecil akan disalurkan untuk kebajikan. Bagaimanapun, jika Anda membuat keputusan sebaliknya, Anda perlu mengemukakan permohonan formal kepada Kami. Kami mungkin akan mengkaji semula kebolehlaksanaan Jumlah Kecil yang dinyatakan di atas dan sebarang pertukaran kepada jumlah tersebut akan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah Kami.
- Untuk terma dan syarat umum yang lain, sila rujuk kepada www.zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions.

Nota:

Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Sijil Kontrak Anda untuk terma dan syarat di bawah Sijil ini.

9. Apakah pengecualian utama yang tertakluk dalam Sijil ini?

Sijil ini tidak melindungi kerugian seperti:

- Kematian Anda atau kecederaan anggota badan sendiri akibat kemalangan kenderaan;
- Liabiliti Anda terhadap tuntutan daripada penumpang di dalam kenderaan Anda;
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang berlaku akibat Kejadian alam semulajadi seperti banjir, ribut taufan atau tanah runtuh;
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti akibat aktiviti haram dan di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
- Kerugian, kerosakan akibat Penipuan atau Jenayah Pecah Amanah.

Nota:

Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Kontrak Sijil untuk senarai penuh.

10. Bolehkah Saya membatalkan Sijil Takaful Saya?

Anda boleh pada bila-bila masa membatalkan Sijil Takaful Anda dengan memberikan notis bertulis kepada Pengendali Takaful serta mengembalikan Salinan Asal Sijil Takaful / Pengisytiharan Undang-undang sekiranya Sijil Individu hilang.

Selepas pembatalan, Anda layak mendapat pemulangan caruman berasaskan keadaan berikut:

- Secara asas pro-rata jika Sijil Kereta telah diperbaharui secara berterusan dengan Kami.
- Secara Asas Jangka Pendek jika Sijil Kereta Anda baru dilindungi dengan Kami, untuk tempoh kurang daripada 12 bulan.

Tiada pemulangan caruman:

- Jika caruman minimum dibayar.
- Jika terdapat tuntutan dibuat ke atas Sijil.

11. Apakah yang perlu Saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran peribadi Saya?

Anda boleh mengemaskini butiran Anda di Portal Pelanggan Zurich di myzurichlife.com.my atau memaklumkan pihak Kami tentang sebarang perubahan mengenai butiran peribadi Anda untuk memastikan semua maklumat dapat disampaikan kepada Anda tepat pada masanya.

12. Di manakah Saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk, sila hubungi Kami atau ejen-ejen Kami. Anda boleh menghubungi Kami di:

Khidmat Pelanggan

Zurich General Takaful Malaysia Berhad
Level 23 A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur
Pusat Panggilan: 1-300-888-622 Tel: 603-2109 6000 E-mel: callcentre@zurich.com.my

13. Jenis perlindungan lain yang boleh didapati?

Sila rujuk kepada laman web kami di www.zurich.com.my.

NOTA PENTING:

ANDA PERLU MEMASTIKAN KENDERAAN ANDA DILINDUNGI DENGAN NILAI PASARAN YANG SESUAI KERANA IA AKAN MENJEJASKAN JUMLAH TUNTUTAN ANDA. SEKIRANYA BERLAKU KEMALANGAN, ANDA ADALAH DINASIHATKAN UNTUK BERURUSAN DENGAN BENGKEL YANG DILULUSKAN. JIKA ANDA MEMILIKI PERLINDUNGAN KOMPRESIF DAN ANDA TIDAK MELAKUKAN KESALAHAN, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENYERAHKAN TUNTUTAN ANDA KEPADA PENGELUAR TAKAFUL ANDA. ANDA MESTILAH MEMBACA DAN MEMAHAMI ISI KANDUNGAN SIJIL TAKAFUL INI DAN BERBINCANG DENGAN PERUNDING TAKAFUL ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL ANDA SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Semua caruman dan yuran yang tertera dalam dokumen ini mungkin tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan yang lain.

Informasi yang disediakan dalam Lembaran Penerangan Produk ini adalah sah pada 01 Mac 2024 sehingga semakan semula dilakukan.

Nota: Sekiranya terdapat percanggahan, keaburan dan konflik dalam mentafsirkan sebarang terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan menggantikan versi Bahasa Malaysia.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701045981 (1260157-U)

Level 23A, Mercu 3, No.3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Pusat Panggilan: 1-300-888-622 Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888

www.zurich.com.my

